

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, November 25, 2018 9:30 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ahli Akademik Perlu Sumbang Kepakaran Untuk Naikkan Nama Universiti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

25 NOVEMBER 2018 / 17 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

**AHLI AKADEMIK PERLU SUMBANG KEPAKARAN UNTUK NAIKKAN NAMA
UNIVERSITI**



UUM ONLINE: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Prof. Dato' Dr. Sudin Haron mahu ahli akademik memberi dedikasi sepenuhnya untuk pembangunan dan kemajuan universiti kerana tugas dan tanggungjawab menaikkan nama universiti terletak di bahu mereka.

"Saya ingin melihat Universiti Utara Malaysia (UUM) terus maju ke hadapan selaras dengan hasratnya untuk menjadi "Harvard of the East."

"Untuk tujuan ini, ahli akademik harus menyumbang kepada universiti berasaskan bidang kepakaran yang dimiliki masing-masing untuk membantu menaikkan nama UUM.


"Justeru saya amat berharap kita dapat membina lebih banyak kepakaran melalui pusat-pusat kecemerlangan atau pusat-pusat pengajian dan menjana kekayaan melalui penyelidikan, penerbitan, perundingan dan sebagainya supaya bila disebut sahaja UUM orang akan tahu kepakaran-kepakaran yang kita miliki," ujarinya pada sesi Perjumpaan Bersama Dekan dan Pengarah Pusat Kecemerlangan Pusat Pengajian (S-CoE) di Bilik Senat anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC).

Tambah Prof. Dato' Dr. Sudin, pusat-pusat kecemerlangan juga perlu menjadi pelopor kepada perkara-perkara baharu.

"Selain itu pusat-pusat kecemerlangan dan pusat-pusat pengajian juga harus menyokong usaha yang dilakukan pihak pengurusan kerana suatu hari nanti anda mungkin akan berada di dalam pengurusan.

"Saya sebagai Pengerusi LPU dan rakan-rakan di dalam lembaga pengarah akan terus memberi sokongan untuk kemajuan dan pembangunan UUM," jelasnya.

Sesi perbincangan itu turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad dan Pengarah RIMC, Prof. Dr. Mohd. Azizuddin Mohd Sani.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.